



Buletin KERIAN



BIL. 1/09 ISSN

EDISI KHAS



Majlis Daerah Kerian ditubuhkan pada 1 September 1979 dengan keluasan kawasan pentadbirannya pada ketika itu adalah 95.83 kilometer persegi. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang keluasan kawasan Majlis telah bertambah kepada 163.66 kilometer persegi akibat daripada kesan pembangunan setempat yang pesat dan juga kesan limpahan pembangunan dari Pulau Pinang. Dengan tenaga kerja berjumlah 220 orang kesemuanya menjadikannya satu cabaran yang besar kepada Majlis dalam usaha memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada hampir 100,000 penduduk di dalam kawasan Majlis.



MUTIARA KATA

"The men of knowledge outwardly visit and inspect things with their minds, while the wise are inwardly busy cleaning and shining their hearts."

"Kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik."

MAJLIS DAERAH KERIAN

No. 1 Wisma MDK, Jalan Padang,
34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan

AHLI-AHLI MAJLIS DAERAH KERIAN BAGI TEMPOH 26 MEI 2009 HINGGA 31 DISEMBER 2009



BARISAN BARU AHLI-AHLI MAJLIS TAHUN 2009 ... YB Dato' Dr. Mah Hang Soon (duduk ke-8 dari kiri) dalam sesi bergambar dengan YB ADUN, Y.Bhg. Pegawai Khaz Menteri Besar Perak, En. Ismail b. Hassan (Yang Dipertua - duduk ke-7 dari kiri), En. Ahmad Amir b. Ismail (Setiausaha Majlis - duduk ke-5 dari kiri) dan Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian.

SENARAI NAMA AHLI-AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH KERIAN BAGI TEMPOH 26 MEI 2009 - 31 DISEMBER 2009

- | | |
|--|--|
| En. Ismail b. Hassan (Yang Dipertua) MDK | En. Abdul Halim b. Mohamed |
| Datuk Wira Hj. Jamaludin b. Abd. Rahim | En. Khoo Hang Ken |
| Hj. Mohd Kamal Padli b. Ahmad | En. Ooi Thian Wee |
| Hj. Mohd Yusof b. Yahya | En. Teoh Kim Kool |
| Hj. Abu Bakar b. Md Taib | En. Lim Wan Chuan |
| En. Shahidan Ramli b. Basharuddin | En. Ong Cheng Beng |
| Hj. Nain b. Mohd Asmuni | En. Tan Loon Shee |
| En. Abdullah b. Salleh | En. Beh Cheen Leng |
| Hjh. Salmiah bt Mohamad | En. Lee Buck Hoe |
| Hjh. Zainab bt Mokri | En. Lau Peng Guan |
| Pn. Siti Sariah bt Mat Nasir | En. P. Ponnazhakan a/l Pushpanathan |
| Hj. Sahri b. Awang | En. Odayappan a/l Sockalingam Chettiar |
| Hj. Kassim b. Abdullah | |

HARI MAJLIS BERSAMA PELANGGAN

PADA SETIAP HARI SELASA
MASA : 9.00 PAGI -12.00 TENGAHARI



Salam Pembuka Bicara, Setulus Kata, Seikhlas Hati

Sidang Pengarang

PENASIHAT :

En. Ismail Bin Hassan
(Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian)

TIMBALAN PENASIHAT :

En Ahmad Amir Bin Ismail
(Setiausaha Majlis, Majlis Daerah Kerian)

KETUA PENGARANG :

En. Abdul Hamid b. Abdullah

TIMBALAN KETUA PENGARANG :

Pn. Noraziah bt Zainol Abidin

SIDANG PENGARANG :

En. Gobibaskaran a/l Govindaraju
Pn. Normezura bt Mehat
En. Mohd Faizal b. Mat Nun
En. Muhammad Shafiq b. Azmi
Pn. Nur Adilla bt Jamal
Pn. Nurul Sofia bt Abdul Ghani
En. Mohd Hazahar b. Hasmi

JURUGAMBAR :

En. Muhammad Shafiq b. Azmi

GRAFIK :

En. Gobibaskaran a/l Govindaraju
En. Mohd Faizal b. Mat Nun

EDARAN :

Pn. Normezura bt Mehat
Pn. Nurul Sofia bt Abd Rashid
Pn. Nur Adilla bt Jamal

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmatnya, Majlis Daerah Kerian dapat menerbitkan semula Buletin Kerian setelah lama ia tidak diterbitkan. Tahniah saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Majlis Daerah Kerian yang telah berusaha merealisasikan pewujudan wacana ini untuk tatapan dan informasi semua pihak.

Mengimbas kejayaan tahun 2008, Majlis Daerah Kerian telah berjaya mencapai beberapa kemenangan dan anugerah antaranya Pemenang utama Anugerah Kualiti Pihak Berkuasa Tempatan Peringkat Negeri Perak; Pemenang utama Anugerah Kedai Pilihan Pengguna 2007-2008 (Pasar Malam Jumaat) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; mendapat 3 bintang dalam Penilaian Star Rating (SSR-PBT) 2008, menduduki tempat ketiga dalam senarai yang dikeluarkan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dari segi prestasi Pusat Setempat (OSC) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tempoh permohonan yang diterima dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2008 dengan mencapai kelulusan permohonan dengan peratusan yang cemerlang iaitu mencapai 99.6% melebihi tahap peratusan cemerlang 85% yang ditetapkan.

Pada tahun ini, saya berharap akan ada lagi kemenangan dan kejayaan yang dapat dilakar oleh Majlis Daerah Kerian. Sebagai Yang Dipertua, sudah tentu saya ingin memartabatkan organisasi yang saya pimpin ini dan berharap MDK dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di daerah Kerian. Oleh yang demikian, pengemblengan tenaga yang berterusan antara PBT (MDK), masyarakat, NGO dan swasta dalam apa jua aktiviti di peringkat daerah adalah diharapkan dapat mencapai sasaran yang dicita-citakan.

Sekian dari saya,

En. Ismail Bin Hassan, PCM., ACM.
Yang Dipertua



YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KERIAN MENGETUAI KUMPULAN PENERIMA PELANTIKAN JAWATAN SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH KERIAN BAGI TEMPOH 26 MEI 2009 – 31 DISEMBER 2009

26 Mei 2009 - Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian mengetuai kumpulan penerima pelantikan jawatan sebagai Ahli Majlis dalam Upacara Penerimaan Pelantikan Jawatan Sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian Bagi Tempoh 26 Mei 2009 Hingga 31 Disember 2009. Seramai 25 orang telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis dihadapan YB Dato' Dr. Mah Hang Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan Awam dan Hal Ehwal Bukan Islam. Turut hadir menyaksikan upacara tersebut ialah YB En. Sham b. Mat Sahat (ADUN Alor Pongsu), Y.Bhg. En. Abu Bakar b. Mat Ali (Pegawai Khas Menteri Besar Parlimen Parit Buntar), Y.Bhg. En. Mohd Salleh b. Mat Disa (Pegawai Khas Menteri Besar DUN Kuala Kurau) dan pegawai Majlis Daerah Kerian.



YB Dato' Dr. Mah Hang Soon menyampaikan ucapan utama



BERKENALAN...YB Dato' Dr. Mah Hang Soon bersalam dengan salah seorang Ahli Majlis.

Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

Tema Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan menjadi pilihan YB. Dato' Dr. Mah Hang Soon dalam ucapannya kepada semua yang hadir. Amanat yang disampaikan ialah seperti berikut:-

- PBT adalah kerajaan kepada rakyat yang dapat menghulurkan bantuan dan menyelesaikan masalah SLRJ (sampah, longkang, lampu, rumput, jalan).
- Mengumpamakan anggota MDK adalah software manakala bangunan serta peralatan yang ada sebagai hardware (berdasarkan sebuah pengkisahan); software yang terbaik adalah lebih penting berbanding hardware yang terbaik. Ini kerana software yang terbaik dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mengharumkan institusi berbanding sebaliknya. Hasrat rakyat adalah asas yang paling penting dan jika diabaikan tidak bermakna 'kita' di sini.
- Menggalakkan Majlis Dialog dengan NGO dan mengamalkan konsep tiga segi dalam pentadbiran Kerajaan Tempatan (Kerajaan, NGO, Rakyat). Dengan adanya komposisi sebegini ia akan dapat memantapkan sistem pentadbiran PBT.
- Mengucapkan tahniah atas kejayaan MDK mendapat 3 bintang dalam Penilaian Sistem Star Rating pada tahun 2008 (SSR-PBT) dan berharap MDK akan dapat memperbaiki pemarkahan itu dari 3 bintang kepada 4 bintang pada SSR-PBT 2010.
- Melahirkan harapan agar Ahli Majlis menjalankan tugas dengan secara jujur, ikhlas dengan sedaya upaya yang boleh. Sekiranya seseorang Ahli Majlis tidak menunjukkan prestasi, Ahli Majlis itu akan diouguirkan untuk beri jalan kepada



**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**

4 kementerian tangani ceti haram

Dari DOMANA MD YUSOP
 KOSMO 6/6/09 MS16
 PUTIHANNA
 Kementerian mem-
 bentuk 41 satu yang ditubuhkan me-
 mudi dan meluluskan untuk kati ke-
 susutian dan beberapa yang has
 mendampingi kepada 41 adalah 14
 yang termasuk pada 14 kementerian
 yang ini.
 Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri
 Hishammuddin Mohd Ali, Menteri
 Kanan Keselamatan, Kementerian
 Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
 Kementerian Perindustrian, Perdagangan
 dan Koperasi dan Kementerian Ke-
 wangian juga terlibat.



ISU AH LONG

Badan tangani along dihidupkan semula

Bantenas ceti haram hingga akar umbi
 KUALA LUMPUR 14
 Badan tangani along
 yang ditubuhkan pada 2007
 telah dihidupkan semula
 dengan 41 ahli yang
 ditugaskan untuk
 menangani masalah
 along yang tersebar
 di seluruh negara.
 Menteri Dalam Negeri,
 Datuk Seri Hishammuddin
 Mohd Ali, berkata
 badan ini akan
 bekerjasama dengan
 pihak berkuasa tempatan
 untuk menangani
 masalah along yang
 semakin meningkat
 di seluruh negara.



**MDK tegas dan
komited membantu
Kerajaan**

SASAR CAPAI 5 BINTANG PADA SSR-PBT TAHUN 2010



Keputusan Sistem Star Rating Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) Tahun 2008

Pilihan Negeri : Semua PBT | Johor | Kedah | Kelantan | Melaka | N.Sembilan | Pahang | P.Pinang | Perak | Perlis | Selangor | Terengganu | W.Persekutuan |

PBT di : **SEMUA PBT** Tahun : 2008 Bil. PBT : 3
 Taraf PBT : **MAJLIS DAERAH** Taraf PBT : Semua | DB | MB | MP | MD |
 Taraf Bintang : 3 Bintang : Semua | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Bil Negeri	Taraf	PBT	Markah	Taraf Bintang
1) Selangor	MD	Majlis Daerah Kuala Langat	68.75	☆☆☆
2) Pahang	MD	Majlis Daerah Pekan	63.75	☆☆☆
3) Perak	MD	Majlis Daerah Kerian	62.25	☆☆☆

* Paparan terbaik menggunakan IE dan Firefox versi terkini serta resolusi 800 x 600 pixel *
 *** Rekebentuk & Hakcipta Terpelihara © BAHAGIAN ICT/JKT/KPKT 2008 ***

Majlis Daerah Kerian mendapat keputusan 3 bintang dalam Penilaian Sistem Star Rating (SSR-PBT) 2008 kini mensasarkan untuk mencapai 5 bintang pada SSR-PBT tahun 2010. Di antara tindakan penambahbaikan yang dicadangkan oleh Pegawai Penilai dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) termasuklah:
 i. Memperkasakan kriteria pengurusan, perkhidmatan teras dan pengurusan pelanggan.
 ii. Menggalakkan penglibatan komuniti setempat

SEGMENT KHAS

MDK SERIUS DAN KOMITED

Dalam melaksanakan tugas mengikut Akta, Undang-Undang Kecil dan Garis Panduan yang ditetapkan



Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 3 Pasar-Pasar (MDK) 1984 (Tanpa Lesen)



Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 3 Penjaja (MDK) 1984



Tindakan Sitaan-Tunggakan sewaan harta Majlis



Kesalahan di bawah Seksyen 46 Akta 133 Halangan



Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 7(4) Penjaja (MDK) 1984 – gagal memindahkan gerai apabila...



Kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 7 Taman (MDK) 1984



Hari Keluarga MAJLIS DAERAH KERIAN





BENGGKEL PELAN STRATEGIK 2009

VISI

**KERIAN KE ARAH
PERBANDARAN YANG
LEBIH DINAMIK DAN
MAMPAN MENJELANG
2015**



MISI

**MEMBERIKAN KHIDMAT
TADBIR URUS YANG
TERBAIK, BERKUALITI, TELUS
DAN EFISIEN BERTERASKAN
PEMBANGUNAN MAMPAN**



Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat dan masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian 2009-2015 telah menggariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta pelan tindakan yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat dikukur berdasarkan KPI berkaitan. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.

PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH DAN AKAN DILAKSANAKAN OLEH MAJLIS DAERAH KERIAN PADA TAHUN 2009

Peruntukan Kerajaan Persekutuan BP.1

1. Menaiktaraf Pasar Awam Kuala Kurau
2. Membina Dewan Serbaguna di Simpang Lima, Jalan Bharu, Parit Buntar

Peruntukan Kerajaan Persekutuan BP.6

1. Menaiktaraf jalan Di Kampung Soon Lee dan Heap Choon, Bagan Serai
2. Menaiktaraf jalan dan longkang di Kampung Raja Bashah, Kuala Kurau
3. Membina longkang di Bagan Tiang, Parit Buntar
4. Menaiktaraf jalan dan longkang di Kampung Melaka, Parit Buntar

Peruntukan Kerajaan Persekutuan Projek Ransangan Ekonomi

Menaiktaraf longkang di Jalan Sekolah, Parit Buntar

1. Menaiktaraf jalan di Lorong Sekolah, Parit Buntar
2. Membina tandas awam di Pusat Bandar Bagan Serai
3. Menaiktaraf Pasar Awam Parit Buntar
4. Menaiktaraf longkang di Kampung Keramat, Bagan Serai
5. Menaiktaraf longkang simen di Kg. Alor Pongsu
6. Menaiktaraf jalan di Kg. Perak, Parit Buntar
7. Menaiktaraf longkang di Jalan Perusahaan 4, Kawasan Perindustrian Parit Buntar
8. Menaiktaraf longkang di Jalan Perusahaan 3, Kawasan Perindustrian Parit Buntar
9. Menaiktaraf longkang di Taman Kerian, Parit Buntar
10. Menaiktaraf longkang di Pekan Alor Pongsu
11. Menaiktaraf jalan di Pasar Awam Bagan Serai

Peruntukan Kerajaan Negeri

1. Menaiktaraf gerai dalam kawasan MD Kerian
2. Menaiktaraf jalan dalam kawasan MD Kerian

Peruntukan Projek MARRIS

1. Menaiktaraf tapak Pasar Hari di kawasan Pusat Penjaja Alor Pongsu
2. Menurap jalan di Jalan Pulai, Taman Setia Jaya, Parit Buntar
3. Menurap jalan di Jalan Tembusu, Taman Setia Jaya, Parit Buntar
4. Menurap jalan di Jalan Temenggong 1, Pusat Bandar Parit Buntar
5. Menurap jalan di Jalan Temenggong 2, Pusat Bandar Parit Buntar
6. Menurap jalan di Jalan Satria, Pusat Bandar Parit Buntar
7. Menurap jalan di Jalan Shahbandar, Pusat Bandar Parit Buntar
8. Menurap jalan di Jalan Maharaja 1, Pusat Bandar Parit Buntar
9. Menurap jalan di Jalan Shahbandar 1, Pusat Bandar Parit Buntar
10. Menurap jalan di Jalan Temenggong, Pusat Bandar Parit Buntar
11. Menurap jalan di Jalan Meranti, Taman Setia Jaya, Parit Buntar
12. Menurap jalan di Taman Wawasan, Parit Buntar
13. Menaiktaraf longkang di Jalan Sekolah, Parit Buntar
14. Menaiktaraf longkang di Jalan Syed Thaupy 2, Taman Syed Thaupy, Bagan Serai
15. Menurap jalan di lorong belakang Taman Seri Tenggara, Parit Buntar



Menaiktaraf Longkang di Kawasan MDK



Menaiktaraf Jalan-Jalan Kampung



Menaiktaraf Pasar Awam Parit Buntar



Menaiktaraf Longkang Di Kawasan Perindustrian

PELAKSANAAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN DI KAWASAN MDK



Keadaan jalan sedia ada



Kerja-kerja menaiktaraf jalan sedang dijalankan



Jalan yang siap dinaiktaraf

Elakkan Sitaan Cukai Taksiran

Demi Kesejahteraan Bersama

Mengapa Cukai Taksiran Berbeza?

Pada asalnya sesebuah skim perumahan yang jenis rumahnya sama sebagai contoh 1/T berkembar atau sebagainya adalah dikenakan cukai pada kadar yang sama mengikut jenis yang ada. Asas pengiraan cukai taksiran adalah berasaskan kepada keluasan bangunan utama dan bangunan luar (awning). Cukai yang dikenakan menjadi berbeza apabila pemilik-pemilik rumah melakukan kerja-kerja tambahan mengikut keluasan atau kelulusan yang tersendiri. Secara tidak langsung ia akan menyebabkan keluasan kawasan bangunan yang bercukai telah bertambah. Oleh itu cukai yang dikenakan adalah berbeza mengikut Keluasan tambahan yang dilakukan oleh pemilik itu sendiri.

Kaedah Yang Digunakan

Bagi menentukan berapa cukai yang patut dikenakan, seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah menetapkan bahawa

"...nilai tahunan ertinya anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi dari setahun ke setahun dari pegangan yang berkenaan jika disewakan..."

Oleh itu peranan Bahagian Penilaian Majlis adalah menentukan berapakah sewa yang munasabah sesebuah bangunan yang terletak didalam kawasan Majlis untuk ditentukan nilai tahunannya bagi tujuan pengenaan cukai taksiran. Dengan berpandukan kepada keluasan bangunan utama dan bangunan luar maka anggaran sewa dapat diperolehi apabila didarab dengan analisa sewa sedia ada.



Pembantu penilaian melekatkan waran



Harta sitaan dipulangkan semula selepas pemilik membayar cukai pintu



Belp melekatkan waran F di pagar rumah pemilik harta



Harta sitaan pemilik harta yang membayar cukai pintu

Tahukah Anda !!! ... Sistem e-PBT MDK kini menawarkan pelbagai perkhidmatan secara Online.

Perkhidmatan Kami

- Senarai Perkhidmatan e-Perkhidmatan
- PBT Online**

Menu Aduan Online

Aduan

Baru
Cetakan
Semakan







Aduan Semakan Akaun Home Logout

Menu Semakan Online

Semakan

Penyata
Kompau Kenderaan
Bayaran Pembekal
Kemudahan Pelanggan







Aduan Semakan Akaun Home Logout

Menu Profil Pengguna

Akaun Pengguna

Maklumat Pengguna
Tukar Kata Laluan
Gambar







Aduan Semakan Akaun Home Logout

Akaun Pengguna

Layari Laman web rasmi Majlis Daerah Kerian (<http://www.mdkerian.gov.my>) dan klik pada pautan "PBT Online" untuk log masuk ke Sistem ePBT Online.

Nama Pengguna :

Kata Laluan :

Pegangan Baru
Lupa Kata Laluan &
Cadangan & Maklumbalas

Daftar di Menu Pengguna Baru untuk mendapatkan nama pengguna dan kata laluan.

ePBT

- * Kemasukan Aduan Baru
- * Semakan Status Aduan
- * Penyata Akaun Individu (Sewaan, Lesen & Taksiran)
- * Semakan Kompau Kenderaan

Kemudahan Pelanggan

Maklumat Pelanggan

Nama: EHOE AH HDE
Alamat: NO 71
JALAN BESAR
TANDONG PIANDANG

Maklumat Akaun

Entersekan	No Akaun Akaun	Baki Halang
TAKSIRAN	6230 NO 71	0.00
	7283 NO 507	0.00
	14846 NO.70	0.00
PERLESEHAN	1428 71	0.00
	7108 937 BAGANUTARA	0.00

Menu Kemudahan Pelanggan akan menyenaraikan semua akaun milik pelanggan.

Maklumat Akaun

No. Akaun: T070006238
Alamat: NO 71
JALAN BESAR, TANDONG PIANDANG
34250 TANDONG PIANDANG
Nilai Taksiran: RM 1980.00
Kadar Taksiran: 8.50%
Nilai Taksiran Tahunan: RM 168.30

Maklumat Penyata

Tarikh	Keterangan Bil./Resit	No Bil./Resit	Bil	Resit	Baki
02/01/2009	BIL. CUKAI TAKSIRAN	1010428	84.15	0.00	84.15
13/02/2009	TR. BIL. CUKAI TAKSIR	14047366	0.00	84.15	0.00
13/02/2009	TR. BIL. CUKAI TAKSIR	14047366	0.00	84.15	84.15
01/07/2009	BIL. CUKAI TAKSIRAN	2006054	84.15	0.00	0.00
Jumlah			168.30	168.30	0.00

Nota: Akaun Baki Negatif (-) Bermaksud Lebihan

Penyata terperinci menunjukkan transaksi bayaran dan hutang pelanggan

Pengguna boleh mengemaskini maklumat peribadi mereka di Menu Maklumat Pengguna. Terdapat juga kemudahan untuk memuat naik gambar pelanggan

Kemudahan Pembayaran Cukai Taksiran di bank-bank pilihan kami

